

01/05/1997

Perwaja umum pakej penswastaan 12 Mei

Azizi Othman

PERWAJA Steel Sdn Bhd (Perwaja Steel), dijangka mengumumkan butiran terperinci mengenai pakej penswastannya yang membabitkan Maju Holdings Sdn Bhd (Maju) dan kerajaan pada 12 Mei ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Perwaja Steel, Abu Sahid Mohamed, berkata kini butiran terperinci mengenai perjanjian penswastaan Perwaja Steel itu masih belum diputuskan di antara Maju dengan kerajaan.

"Kedua-dua pihak masih berunding mengenai syarat serta peruntukannya dan sebaik sahaja perjanjian penswastaan itu dipersetujui, kami pasti membuat pengumuman mengenainya.

"Kami masih berusaha ke arah itu dan menyelesaikannya secepat mungkin," katanya kepada pemberita selepas majlis memeterai perjanjian di antara Perwaja Steel dan Ipmuda Bhd (Ipmuda) di Shah Alam, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas perkembangan terkini rundingan mengenai perjanjian penswastaan Perwaja Steel di antara Maju dan kerajaan yang sebelum ini dilaporkan memasuki peringkat terakhir.

Ditanya sama ada pengumuman itu dibuat serentak dengan lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke kilang Perwaja Steel di Gurun, Kedah pada 12 Mei ini, Abu Sahid berkata: "Mungkin, kalau dia sudi agaknya."

"Kami sedang berusaha ke arah itu dan saya rasa mungkin ia (pengumuman mengenai butiran terperinci penswastaan itu) dibuat ketika lawatan Perdana Menteri ke sana pada 12 Mei ini," katanya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika melawat kilang Perwaja Steel di Gurun, bulan lalu dilaporkan berkata, rundingan itu sudah di peringkat akhir dan kerajaan memerlukan sedikit masa lagi memperincikannya sebelum membuat keputusan bagi memastikan ia menguntungkan semua pihak.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Perwaja Steel, Abu Talib Mohamed berkata, rundingan mengenai penswastaan itu dijangka selesai bulan ini.

Maju yang menerajui usaha menyelamatkan Perwaja Steel menerusi anak syarikatnya, Equal Concept Sdn Bhd, dilantik menjadi pengurus syarikat itu sejak Jun 1996 iaitu selepas Perwaja Steel mengalami masalah kewangan serius.

Kontrak itu dilanjutkan Disember lalu sehingga Jun tahun ini bagi membolehkan Kabinet dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) mengadakan perincian terakhir mengenai pegangan ekuiti dan cara terbaik menyelamatkan Perwaja Steel.

Mengikut perancangan awalnya, Maju diberikan 51 peratus ekuiti, Kerajaan Pusat 30 peratus dan bakinya dipegang kerajaan Terengganu.

Bagaimanapun ekuiti yang dipegang kerajaan itu masih terbuka kepada pihak yang berminat.

Abu Talib juga diminta mengulas mengenai sama ada kumpulan Lion yang sebelum ini dikatakan berminat menyertai penswastaan itu masih bercadang meneruskan hasrat mereka.

"Setakat yang saya tahu, mereka memang diberikan tawaran menyertai Perwaja Steel seperti dalam surat yang dikeluarkan oleh pihak EPU dan mereka tidak pernah menyatakan tidak mahu menerima," katanya.

(END)